

# PENGURUSAN JENAZAH & KAIFIATNYA

## DALIL KEMATIAN

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٥٧﴾


### Maksudnya:

Tiap-tiap diri (sudah tetap) akan merasai mati, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Kami (untuk menerima balasan).

## HUKUM MENGURUSKAN JENAZAH

## FARDU KIFAYAH

Fardu kifayah kepada orang yang hidup di dalam sesuatu kawasan . Jika ada orang yang menguruskannya maka terlepaslah org lain daripada kewajipan itu. Sebaliknya jika tiada orang yang menguruskannya maka berdosaiah semua orang yang tinggal di kawasan itu



## TINDAKAN AWAL KETIKA BERLAKU KEMATIAN

**Menutup mata mayat:** Mulut ditutup dengan mengikat dari bawah dagu hingga atas kepala dgn kain bersih agar mulutnya tidak terbuka

**Melembutkan sendi-sendi anggota mayat:** Semua sendi seperti jari, siku, lutut dan kaki dilmbutkan agar mudah ketika dimandi dan dikapankan

Meletakkan sesuatu yg sederhana berat di atas perut mayat bertujuan menjaga dan mengawasi perut mayat supaya tidak kembung

Tubuh badan mayat hendaklah ditutup agar auratnya tidak terdedah, diletakkan di atas katil/ditempat yg sesuai dlm keadaan mengadap kiblat dgn keadaan kedua tangannya di atas dada seperti qiam dalam solat

## MEMANDIKAN JENAZAH

### Maksud Memandikan Jenazah :

- Perbuatan meratakan air ke seluruh anggota tubuh jenazah untuk menghilangkan najis & kekotoran serta mengangkat hadas


**Tujuan :** Untuk membersihkan anggota tubuh mayat daripada najis & kekotoran serta menyucikan



**a. Sekurang-kurangnya :** ialah dengan meratakan sekali air ke seluruh badan mayat setelah dibersihkan semua najis & kotoran

**b. Sebaik-baiknya :**

- Letakkan mayat ditempat yang tinggi & terlindung drpd pandangan orang ramai supaya memudahkan air mengalir kecuali orang yg memandikan mayat & pembantunya
- Jenazah dihadapkan ke arah kiblat
- Tutup tubuh mayat sentiasa ditutup dgn kain basahan yg boleh melindungi auratnya
- Muka jenazah sentiasa ditutup semasa dijirus air ke atasnya
- Bersihkan najis yg ada pd mayat. Sebaiknya tekan sedikit perutnya supaya keluar kotorannya
- Cuci kemaluannya dengan tangan kiri yang bersarung (istinjak )
- Bersihkan gigi , mulut mayat kuku, hidung, telinga dll
- Jirus kepala jenazah sambil berniat mandi jenazah & kemudian , janggut serta rambutnya. ( jika gugur, letakkan semuladlm kafan ketika mengkafankan mayat )
- Siram / Ratakan air keseluruhan anggota badan, bermula dr sebelah kanan badan ke kiri sebanyak 3 kali @ 5 kali. Sebaiknya guna air bercampur daun bidara, kapur barus & sabun
- Berniat ketika memandikannya: { نَوَيْتُ الْغُسْلَ الْوَاجِبُ لِهَذَا الْمَيِّتِ بِاللَّهِ تَعَالَى }
- Jenazah hendaklah diwudu'kan dengan sempurna (Hukumnya sunat)



## MENGKAFANKAN JENAZAH

### Maksud Mengkafankan Jenazah :

Menutup seluruh tubuh badan jenazah

### Tujuan :

Menjaga/memelihara maruah dan kehormatannya serta melindungi aib jenazah

## KAIFIAT/CARA MENKAFANKAN MAYAT

a) *Sekurang-kurangnya* : **Wajib** Sehelai kain ( lelaki @ perempuan )

b) *Sebaik-baiknya* :( sunat )

- Kafankan: ( Lelaki : 3 helai ) . ( Perempuan : 5 helai )
- Kain kapan dihamparkan sehelai demi sehelai
- Setiap lapisan kain ditaburkan dengan wangian seperti kapur barus & bau-bauan yang harum kecuali yang meninggal dalam keadaan ihram
- Kedua-dua tangan mayat diletakkan di antara dada dan pusatnya seperti qiam dalam solat. Tangan kanan di atas tangan kiri @ kedua tangan diluruskan mengikut rusuknya
- Bagi mayat lelaki yang mati ketika sedang berihram haji / umrah Tidak boleh : direnjis dengan bau-bauan & tutup kepala Kapankan jenazah dengan berhati-hati dan lemah lembut dengan menutup seluruh tubuhnya.

[ *Orang yang Mati Syahid : hanya perlu dikafankan dengan pakaiannya yang berlumuran darah* ]



- Memelihara kehormatan dan kemuliaan jenazah
- Memberi keinsafan bahawa manusia itu sama disisi Allah swt kecuali orang yang bertaqwa
- Menutup aib jenazah



## MENSOLATKAN JENAZAH

### Maksud Mensolatkan Jenazah :

Solat yang dilakukan oleh orang hidup kepada orang yang telah meninggal dunia agar diampunkan dosanya, mendapat rahmat dan keredaan Allah swt

### Tujuan :

Memohon keampunan, keredaan serta rahmat Allah swt untuk si mati. Ia juga merupakan penghormatan seorang muslim terhadap saudara seagamanya.

*[ Orang yang Mati Syahid : tidak perlu disolatkan ]*

## SYARAT SAH SOLAT JENAZAH

- Jenazah telah dimandikan
- Jenazah telah dikafankan

Jenazah berada di hadapan orang yang solat. Jika jenazah berada bersama. Melainkan jenazah ghaib iaitu tiada mayatnya seperti difatwakan mati walau tiada jasadnya.

## RUKUN SOLAT JENAZAH



- Niat
- Berdiri bagi orang ayng berkuasa
- 4 x takbir
- Membaca al-Fatihah selepas takbir pertama
- Bersalawat ke atas Nabi selepas takbir kedua
- Mendoakan mayat sesudah takbir ketiga
- Memberi salam selepas takbir keempat

## HIKMAT

Memberikan penghormatan dan kasih sayang kepada si mati

Menimbulkan keinsafan

Memohon rahmat Allah utk si mati

Mengeratkan silaturrahim dengan keluarga si mati

## KAIFIAT/CARA MENSOLATKAN MAYAT

Cara / kaifiat solat jenazah :

i. Niat semasa takbir pertama.

اصَلِّيْ عَلَيْ هَذَا الْمَيِّتِ اَرْبَعِ تَكْبِيْرَاتٍ فَرَضَ الْكُفَايَهْ مَأْمُوْمًا/اِمَامًا لِلّٰهِ تَعَالٰي

ii. Membaca surah al-Fatihah selepas takbir pertama

iii. Takbir kedua dan membaca selawat kepada nabi

iv. Takbir yang ketiga dan berdoa untuk si mati

v. Takbir yang keempat

vi. Memberi salam ke kanan dan ke kiri.

### a) Kedudukan Imam

-Jenazah Lelaki : Imam berdiri *bertentangan dengan kepala* jenazah

-Jenazah Perempuan : Imam berdiri *bertentangan dgn pinggang* jenazah

### b) Kedudukan Jenazah

-Jenazah Lelaki : *Kepalanya di sebelah kiri imam*

-Jenazah Perempuan : *Kepalanya di sebelah kanan imam*

### c) SAF solat jenazah : Sunat membentuk 3 saf & meluruskannya.

Setiap saf sekurang-kurangnya terdiri dari 2 orang

Boleh dilakukan secara *berjemaah @ seorang diri*

#### 4. MENGKEBUMIKAN JENAZAH

**Tujuan :** Untuk menjaga keselamatan , maruah & kehormatan jenazah

#### Perkara berkaitan pengkebumiaan jenazah

- Masa Pengkebumian : **Harus** dilakukan bila-bila masa Tetapi **Makruh** dilakukan di Waktu *∴ Terbit Matahari, Matahari Tepat di kepala ( waktu syuruk) & Terbenam Matahari*
- **Harus** menguburkan beberapa jenazah dalam satu kubur
- **Sunat** meninggikan tanah perkuburan sekadar sejengkal
- **Sunat** mendalamkan kubur untuk mengelakkan dari berbau & tidak digali oleh binatang buas / manusia
- **Wajib** menghadapkan muka jenazah dalam liang lahad ke arah kiblat (mengiring di atas rusuk kanan)
- **Sunat** mendoakan jenazah setelah selesai dikebumikan.

#### Cara mengkebumikan mayat

1. Menggali kubur dengan kedalaman yang sesuai supaya tidak berbau dan tidak boleh dikorek oleh binatang buas, minima separas pinggang.
2. Jenazah dimasukkan ke dalam liang lahad
3. Jenazah diletakkan dalam keadaan mengiring di atas rusuk kanan menghadap ke arah qiblat
4. Meninggikan tanah kubur sekadar sejengkal

#### PERINGATAN

Menziarah orang mati adalah **sunat**. Apabila menziarah :

- Ucapkan takziah kepada keluarga si mati & menasihati supaya bersabar
- Membaca al Quran
- Tidak berbual kosong
- Mengiringi jenazah ke kubur